



Buku kepemimpinan Pak Lah dilancar

24-6/5/2004: 2
SUBANG: Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Radzi Sheikh Ahmad (**gambar**) malam tadi melancarkan buku *Pak Lah - Kepimpinan Berteraskan Akauntabiliti* yang berkisar kepada konsep akauntabiliti yang menjadi teras kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Buku tulisan perunding, Datuk Dr Ismail Noor itu diterbitkan berdasarkan wawancara dengan beberapa tokoh yang rapat dengan Abdullah ketika berkhidmat sebagai pegawai kanan kerajaan sehingga menyandang Jawatan Perdana Menteri.

Pada majlis pelancaran yang diadakan di Bangunan OPA, Saujana Resort di sini, Dr Ismail menghadiahkan sebuah buku kepada Radzi dan sebuah lagi untuk disampaikan kepada Perdana Menteri.

Kerika ditemui pemberita kemudian, Dr Ismail berkata buku itu pada peringkat awalnya ditulis dalam bahasa Inggeris dengan judul *Pak Lah - A Sense of Accountability* ketika Abdullah memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri, tetapi buku bahasa Melayu itu mengandungi bab tambahan yang menyentuh polisi awal dan kaliber Abdullah sejak menjadi Perdana Menteri.

Katanya, beliau menulis buku mengenai akauntabiliti kerana tidak banyak buku mengenainya dihasilkan, sebaliknya lebih menekankan aspek politik.